

sains

# KERATAN AKHBAR

## 3 - 6 JUN 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

## Tiada lagi keluhan gangguan air di Selangor dan Kuala Lumpur

4 JUN 2023  
SABTU

Masalah selesai dan tiada lagi keluhan atau aduan daripada penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur apabila isu gangguan air dihadapi mereka kini berakhir.

Ini berikutan pemasangan paip baharu menerusi dua projek yang dilaksanakan oleh Air Selangor bakal siap sepenuhnya pada tahun ini.

Penduduk Taman Mas, Putra Prima, Mohd Nazri Sohot, 48, berkata, sebelum ini dia menghadapi masalah tekanan air rendah setiap kali waktu pagi dan petang sehingga menyukarkan urusan seharian mereka.

Ini berikutan pemasangan paip baharu menerusi dua projek yang dilaksanakan oleh Air Selangor bakal siap sepenuhnya pada tahun ini.

Penduduk Taman Mas, Putra Prima, Mohd Nazri Sohot, 48, berkata, sebelum ini dia menghadapi masalah tekanan air rendah setiap kali waktu pagi dan petang sehingga menyukarkan urusan seharian mereka.

“Masalah gangguan air ini berlaku sejak tahun 2021. Malah air bertambah kecil apabila semua orang berada di rumah pada waktu yang sama.

“Bagaimanapun selepas kerja-kerja pemasangan paip baharu, keadaan air di rumah sudah bertambah baik dan tak timbul lagi sebarang masalah gangguan air,” katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohd Nazri turut berterima kasih kepada Air Selangor kerana bertindak pantas dalam menangani masalah gangguan air berkenaan.

“Alhamdulillah, terima kasih kepada kakitangan Air Selangor yang bukan sahaja cekap malah bertindak segera untuk menangani masalah yang berlaku sekali gus memudahkan urusan penduduk,” ujarnya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Ir Abas Abdullah berkata, projek Kampung Lombong adalah salah satu inisiatif Air Selangor dalam usaha membantu pengguna yang terkesan dengan isu tekanan air rendah.

Ujarnya, pada masa ini, tekanan air terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk membekalkan air ke bangunan dua tingkat tanpa menggunakan sistem pengepaman.

“Projek ini telah bermula pada November 2021 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Ogos 2023. Namun kemajuan projek telah mencapai 80 peratus setakat 25 Mac lepas.

“Projek penggantian dan menaiktaraf paip lama dengan paip baharu itu membabitkan peruntukan sebanyak RM 2.4 juta di mana sepanjang 2.1 kilometer sudah siap dilaksanakan,” jelasnya.

SAMBUNGAN

## Penduduk akui lega

Selain itu, penduduk Taman Midah, Law Keng Hong, 52, meluahkan rasa lega apabila masalah tekanan air rendah selesai selain tidak perlu risau untuk menadah air berikutan air mengalir terlalu kecil dan perlahan.

“Penduduk selalu merungut sebab air terlalu perlahan dan tiada air namun setelah adanya pemasangan paip baharu, sekarang sudah kembali normal dan tidak berlaku lagi kejadian gangguan bekalan air.

“Terima kasih Air Selangor kerana cepat bertindak selesaikan masalah ini,” katanya. Untuk masalah di Taman Midah, Abas memaklumkan kerja-kerja penggantian paip air di bawah Pakej 31 telah dijalankan dan projek penggantian paip berkenaan telah berjaya siap sepenuhnya pada Mac lepas.

Menurutnya, sepanjang 5.3 kilometer paip air lama telah berjaya digantikan dalam pakej berkenaan dengan anggaran kos sebanyak RM 5.5 juta.

Jelasnya, dengan kejayaan Pakej 31, pihaknya dapat mencapai misi Air Selangor untuk mengurangkan kadar air tak terhasil (NRW) di negeri ini.

“Hasil tinjauan mendapati penduduk untuk kelapan-lapan jalan tersebut telah melahirkan rasa gembira kerana dapat menikmati paip air baru di samping dapat meningkat tekanan air ke rumah.

“Penduduk juga dapat menikmati jalan turapan yang baru hasil daripada kejayaan kerja-kerja penggantian ini selari dengan moto Negeri Selangor iaitu ‘Selangor Maju Bersama,’ kata Abas.

## Teknologi penyahgaraman air laut, bantu atasi masalah air di UMS

5 JUN 2023  
ISNIN



Teknologi penyahgaraman air laut akan dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), khususnya di Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), bagi menangani masalah kekurangan bekalan air di universiti berkenaan. - Foto ihsan

KOTA KINABALU: Teknologi desalinasi atau penyahgaraman air laut berpotensi digunakan bagi membantu mengatasi kekurangan bekalan air yang dihadapi warga kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS), khususnya di Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kasim Mansor, berkata pihaknya sudah mengadakan perbincangan awal dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang memiliki kepakaran dalam pemprosesan air laut bagi melaksanakan projek menghasilkan air tawar.

Katanya, UMSKAL dipilih sebagai perintis projek itu memandangkan kampus berkenaan berdepan masalah bekalan air bersih yang sudah lama berlarutan.

"UTM bersedia untuk menawarkan khidmat kepakaran teknologi membran dan proses desalinasi air laut bagi mengatasi isu bekalan air yang dihadapi UMSKAL.

SAMBUNGAN

Katanya, UMSKAL dipilih sebagai perintis projek itu memandangkan kampus berkenaan berdepan masalah bekalan air bersih yang sudah lama berlarutan.

"UTM bersedia untuk menawarkan khidmat kepakaran teknologi membran dan proses desalinasi air laut bagi mengatasi isu bekalan air yang dihadapi UMSKAL.

"Lawatan tapak di UMSKAL akan diadakan dalam masa terdekat bagi mengenal pasti secara signifikan isu bekalan air di kampus itu," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Prof Kasim berkata, kepakaran UTM itu sebelum ini digunakan di 53 sekolah pedalaman seluruh negara, termasuk projek penyahgaraman air laut di Kampung Pantai Senok, Bachok, di Kelantan, sejak 2017.

Jelasnya, sistem yang dibangunkan UTM di kampung itu mampu mengeluarkan 500,000 liter sehari air bersih daripada air laut.

Mengulas lanjut, Prof Kasim berkata, sistem itu jika dilaksanakan di UMS, dijangka mampu mengatasi kekurangan bekalan air bersih yang dialami kira-kira 3,000 pelajar UMSKAL ketika ini.

Difahamkan, UMSKAL sudah lama berdepan masalah air bersih berikutan punca air yang terhad di pulau bebas cukai itu.

Ketika ini, bekalan air bersih di pulau itu kebanyakannya bergantung kepada air yang disalurkan dari loji rawatan air (LRA) di Sungai Padas, di Beaufort.